

**Johor Bahru:** Seorang lelaki warga Korea Selatan ditahan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) Johor selepas didapati menggunakan pas penggajian yang disyaki palsu untuk tinggal di negara ini.

Pengarah JIM Johor Datuk Mohd Rusdi Mohd Darus berkata, siasatan awal mendapati lelaki berusia 49 tahun itu dipercayai dalam kategori dikehendaki pihak berkuasa di negara asalnya kerana terbabit dengan kes penipuan membabitkan kerugian berjumlah Won Korea Selatan (KRW) 3.5 billion bersamaan kira-kira RM9.4 juta.

“Berdasarkan maklumat awam dan hasil risikan, kita berjaya menahan seo-

## *Lelaki warga asing guna pas penggajian palsu ditahan JIM*

rang lelaki warga Korea Selatan yang berada di negara ini dengan menggunakan pas penggajian yang disyaki palsu.

“Ketika pemeriksaan dijalankan di sebuah kediaman di kawasan elit dekat Horizon Hills di sini, semalam (kelmarin), lelaki itu ditemui bersama isterinya berusia 45 tahun yang juga warga China dan dua anak lelaki masing-masing berusia 20 dan 12 tahun berada dalam kediaman terbabit.

“Kedua anak itu juga ada-

lah warga Korea Selatan yang mana seorang daripadanya menggunakan pas lawatan sosial (PLS) dan seorang lagi menggunakan pas pelajar.

“Terdapat juga seorang wanita warga Filipina berusia 55 tahun yang sedang melakukan kerja pembersihan di halaman kediaman itu.

“Wanita Filipina itu datang membersihkan rumah dengan mengambil gaji harian,” katanya menerusi kenyataan media, semalam.

Menurut beliau, hasil pemeriksaan dokumen perjalanannya mendapati lelaki warga Korea Selatan itu gagal mengemukakan dokumen pengenalan diri yang sah dan semakan sistem JIM juga mendapati lelaki itu bersama pekerja pembersihan warga Filipina terbabit tinggal lebih masa di Malaysia.

Katanya, kedua individu itu kemudiannya ditangkap dan direman selama 14 hari untuk tujuan siasatan lanjut mengikut Seksyen 15(1)(c) Akta Imigresen 1959/63.